

## Wanita Sebagai Objek Seks: Penanganannya Dalam Novel *Bila Hujan Malam*

Ungku Maimunah Mohd. Tahir  
[ungkumaimunah@yahoo.com](mailto:ungkumaimunah@yahoo.com)  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### Abstrak

Makalah ini menganalisis novel *Bila hujan malam* hasil Azizi Haji Abdullah untuk menentukan kesahihan dakwaan pengkritik tentang tingginya mutu novel berkenaan. Makalah ini menggunakan gagasan Persuratan Baru cetusan Mohd. Affandi Hassan (1992), dengan memberi perhatian kepada taklif atau pertanggungjawaban dan akauntabiliti kepada Ilahi sebagai teras gagasan tersebut, di samping perbezaan penting antara ‘ilmu/wacana’ dan ‘cerita’ yang menjadi penekanannya. Makalah ini menyerlahkan “wanita sebagai objek seks” sebagai persepsi utama novel ini, yang diterapkan melalui empat strategi penceritaan. Strategi tersebut ialah menggunakan aspek tertentu teknik ‘asal mula yang tidak dijelaskan’, menjadikan perkosaan yang di luar kuasa dan kesedaran wanita sebagai satu-satunya jenis hubungan seks yang ada, menyediakan konteks kondusif bagi perkosaan dan sanggama, dan meniadakan peranan lain bagi wanita selain sebagai objek seks. Makalah ini menyanggah dakwaan bermutunya *Bila hujan malam* atas dasar novel tersebut mengangkat kejahatan sebagai pengucapan seni yang wajar, di samping menjadikan wacana tidak relevan dalam penstrukturannya. Dengan berbuat demikian, novel sekali gus menjadikan *Bila hujan malam* karya yang berlegar semata-mata di tahap cerita dan membikin-cerita. Justeru, makalah ini menyimpulkan bahawa novel *Bila hujan malam* tidak lebih daripada sebuah karya picisan yang kontang dari segi isian intelektual dan mutu seni.

**Katakunci:** Persuratan Baru, wacana, cerita, objek seks, picisan.

## Women As Sex Objects: Its Treatment In *Bila Hujan Malam*

### Abstract

This article analyses Azizi Haji Abdullah’s novel *Bila hujan malam* to determine critical claims of its literary merit. The article uses as its analytical framework Mohd. Affandi Hassan’s (1992) Persuratan Baru, giving particular attention to taklif, its philosophical underpinning of responsibility and accountability towards God, as well as to the crucial distinction it makes between ‘knowledge/discourse’ and ‘story’. The article unpacks “women as sex objects” as the novel’s main perception, which Azizi structures into the story through four narrative strategies. The strategies centre round using selected aspects of the ‘unexplained antecedent’ technique, making molestation that strips women of

control and agency as the only form of sexual union available, providing a context fully supportive of and conducive to sexual exploitation, and denying a role for women other than that of a sex object. The article argues that, contrary to claims of its literary merit, the novel prioritises vice as a valid aesthetic and literary expression, at the same time as it makes discourse/knowledge irrelevant to its structuring. In so doing, it operates as a novel only on the level of story and story-making. This article thus concludes that *Bila hujan malam* is no more than an erotic novel devoid of intellectual content and literary merit.

**Keywords:** Persuratan Baru, discourse, story, sex object, erotic novel.

## Mukadimah

Sejak dekad 1960an, iaitu dengan terbitnya karyanya yang pertama, Azizi telah mengukir nama sebagai seorang penulis yang cukup produktif. Karya beliau banyak memenangi hadiah, seperti novel *Senja belum berakhir* yang memenangi Hadiah Karya Sastera pada tahun 1971, yang lantas dijadikan buku teks sekolah. Pada tahun 1988 pula beliau mewakili Malaysia untuk menerima SEA Write Award. Karya Azizi juga mendapat perhatian dunia sastera Melayu. Baru-baru ini umpamanya, sebuah seminar telah diadakan pada 3 Ogos 2010 berjudul “Seminar Pemikiran Azizi Haji Abdullah”, yang rata-rata melihat Azizi sebagai “seorang penulis yang hebat” (Hassan Baseri Budiman, 2010: hlm.3) sementara karyanya sebagai sumbangan positif kepada khazanah kesusasteraan Melayu, seperti yang disimpulkan oleh judul kertas kerja Anwar Ridhwan (2010: hlm.1), “Azizi Haji Abdullah yang saya kenali: pengarang yang selalu memberi impak.” Selain itu, seminar tersebut juga sekali gus memperakukan wujudnya ‘pemikiran’ dalam karya kreatif Azizi. Sesungguhnya jauh sebelum itu, A Rahim Abdullah (2005: hlm.16) telah membincangkan perkara ini dalam tulisannya “Pemikiran Azizi Haji Abdullah dalam karya cereka”, yang membezakan dua kategori penulis iaitu “tukang cerita semata” yang rendah tarafnya di satu pihak, dan novelis yang “menganjurkan ... pembaca supaya berfikir” yang tinggi tarafnya, di pihak yang lain. Tidak dinafikan tulisan A Rahim itu tidak membincangkan novel *Bila hujan malam* (seterusnya *Bhm*) secara spesifik, namun tulisan tersebut, seperti juga makalah yang dibentangkan di Seminar Pemikiran Azizi Haji Abdullah, rata-rata menyanjung Azizi sebagai “pemikir”, yakni penulis bertaraf tinggi kerana berjaya “menganjurkan [...] pembaca supaya berfikir” (A Rahim, 2005, hlm.16).

Kedudukan Azizi yang diperikan oleh dunia sastera Melayu sebagai “penulis mapan” itu, mengundang supaya karya beliau dibahaskan dengan cukup kritis, agar kekuatan karya beliau dapat dimanfaatkan sebagai teladan yang elok dicontohi sementara kelemahan karya beliau pula, sekiranya ada, dijadikan sempadan yang wajar dijauhi. Perbahasan yang objektif menjadi lebih perlu apabila diamati budaya dunia sastera Melayu kini yang agak malu-malu alah untuk memperkatakan karya mereka yang telah diiktiraf, dan dengan cara itu membenarkan pengiktirafan yang tidak tepat untuk berterusan tanpa cabaran, atau pengiktirafan yang tepat terus hadir tanpa pengukuhan tambahan berupa analisis yang jitu. Justeru, dalam konteks ingin turut menyumbang

kepada pemahaman tentang kedudukan Azizi sebagai penulis dalam dunia sastera Melayu, maka makalah ini berusaha menganalisis antara karya beliau yang awal iaitu novel *Bhm* (cetakan pertama 1976) untuk melihat persepsi beliau khususnya terhadap wanita, dan penerapan persepsi tersebut dalam bentuk kreatif. Dalam konteks dunia sastera Melayu, rata-rata ada kecenderungan untuk memanfaatkan kerangka feminisme ala Barat apabila memperkatakan tentang wanita (Ruzy Suliza Hashim, 2006; Siti Hajar Che Man, 2007), untuk kemudian menolaknya pula (Siti Hajar Che Man, 2010). Namun begitu, makalah ini akan memanfaatkan kerangka gagasan Persuratan Baru cetusan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya MAH) atas sebab beberapa kelebihanannya, seperti yang akan dilihat di bawah ini.

### **Gagasan Persuratan Baru: Satu perbincangan ringkas**

Banyak telah diperkatakan dan ditulis tentang Persuratan Baru (seterusnya PB), sama ada oleh pencetusnya sendiri mahu pun pengamalannya (Mohd. Affandi Hassan, 1992, Mohd. Affandi Hassan et al, 2008; Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2007, 2009; Mohd Zariat A Rani, 2004.) Oleh itu diandaikan pembaca maklum tentang PB, dan huraian tentang PB secara teliti sengaja ditiadakan. Namun, beberapa idea dan konsep pokok akan disentuh, sesuai dengan keperluan untuk memanfaatkannya dalam analisis kelak.

Penting diingat bahawa PB berteraskan keyakinan yang bulat terhadap keesaan Allah SWT serta keperkasaan-Nya sebagai *Pencipta* Yang Maha Berkuasa di satu pihak, dan keinsanan manusia, yakni *yang dicipta*, di pihak yang lain. Keinsanan manusia ini, yang terjalin melalui janji azali untuk menyembah tiada yang lain daripada-Nya, meletakkan manusia sebagai hamba-Nya dan juga sebagai khalifah di muka bumi. Di kejapkan dengan konsep *taklif* atau “pembebanan hukum atas manusia” (Syah Waliyullah al-Dihlawi, 2005, hlm.15), keinsanan manusia ini bererti keterikatan dan pertanggungjawaban untuk mentaati segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya, yakni melaksanakan apa jua menurut ketetapan-Nya. Demikianlah hakikat insan, dan inilah teras PB; dan bertolak daripada keyakinan ini MAH menjelaskan beberapa perkara lain yang berkaitan dengan PB, khususnya hakikat ilmu dan amal serta hakikat dan fungsi sastera. Merujuk kepada ilmu, PB menghujahkan bahawa ilmu yang benar dan yang definitif ialah yang bersumberkan wahyu, dan ilmu ini sahaja yang mampu membawa manusia kepada mengenali Pencipta-Nya, dan bukanlah ilmu yang benar sekiranya ia tidak berbuat demikian. Perkara ini juga ditegaskan oleh Zulkarnain Mohamed (2010: hlm.93 - 106) yang menekankan perlunya Al-Qur’an diletak di tahap tertinggi kerana ia adalah kalam Allah SWT. Justeru, dalam konteks inilah PB menghujahkan bahawa amalan yang tidak disandarkan kepada ilmu yang benar menjadikan amalan tersebut sesuatu yang sia-sia. Ini termasuklah amalan atau kegiatan menulis. PB merujuk kepada Surah al-‘Alaq yang dengan jelas mengaitkan kalam (Qalam) dengan ilmu. Justeru, adalah termaklum dengan kejapnya bahawa amalan menulis menuntut pertanggungjawaban untuk menyampaikan ilmu, dan ilmu yang dimaksudkan ialah ilmu yang benar. Tanpa pertanggungjawaban ini, sebuah karya menjadi amalan atau kegiatan menulis yang sia-sia, seperti ditegaskan oleh Rahmah Ahmad Othman (2010, hlm.77-78), “menurut Islam, sastera mesti bermatlamat, dan matlamatnya ialah menyampaikan ilmu yang benar.”

Di tahap praktis pula, yakni untuk urusan menulis karya kreatif atau kritikan, PB membezakan antara ilmu dan cerita (Ungku Maimunah, 2009). Idea membezakan dua perkara ini merupakan satu anjakan dalam pemahaman sastera dan kritikan Melayu, yang selama ini tidak membezakan ilmu dan cerita, malah melihat keduanya sebagai sinonim, seperti yang ditunjukkan oleh Kalthum Ibrahim (2006) yang melihat watak utama *Salam Maria* sekali gus sebagai moral novel berkenaan. Seterusnya antara dua perkara ini, ilmu diperuntukkan kedudukan yang lebih tinggi daripada cerita kerana ia adalah pengungkapan idea, buah fikiran, hujahan, syarahan, bahasan dan sebagainya. Seterusnya, untuk menyerlahkan idea dan hujahan tersebut, PB memperkenalkan konsep wacana. Perlu ditegaskan bahawa wacana tidak merujuk kepada longgokan maklumat yang dituangkan ke dalam karya, tetapi adalah maklumat yang telah melalui proses pencernaan sehingga ia hadir sebagai *idea* yang tersendiri, hasil daripada renungan dan pencernaan tersebut (Mohd. Affandi Hassan, 2004, hlm.54).

Berbeza dengan ilmu, cerita menurut PB adalah penyedia ruang-ruang yang sesuai untuk wacana hadir dengan bersahaja, selesa, dan utuh, seperti yang dihuraikan oleh Ungku Maimunah (2010, hlm.124-127). Dengan memanipulasikan elemen-elemen penceritaan seperti watak, plot, latar dsb secara *sewajarnya*, cerita memungkinkan wacana diungkapkan seperlunya sepanjang pengisahan sesebuah karya. Tegasnya, cerita adalah *wadah* untuk ilmu. Dengan perbezaan tugas seperti yang dijelaskan itu, maka adalah wajar kedudukan cerita rendah daripada ilmu.

Lanjutan perbezaan ini, adalah bertepatan karya yang memberi prioriti kepada ilmu dan pengungkapan idea dikategorikan berasingan daripada karya yang mengutamakan cerita dan bermatlamatkan membikin-cerita semata. Sehubungan ini, PB merujuk kepada tulisan yang bermatlamatkan penghujahan ilmu sebagai “karya persuratan” sementara yang bermatlamatkan pengisahan cerita dirujuk sebagai “karya sastera”. Di samping itu, MAH juga mengkategorikan karya yang memperagakan seks sebagai paksi naratif atau idea pokok yang mengurus dan menstrukturkan pengisahan cerita sebagai “karya picisan”. MAH memberi penjelasan tentang tiga kategori tersebut, yang didasarkan kepada hakikat insan, ilmu dan amal, serta hakikat dan fungsi sastera, seperti berikut:

...gagasan Persuratan Baru mengemukakan tiga kategori karya untuk memudahkan penilaian dan memberi kedudukan yang wajar serta adil kepada sesebuah hasil kreatif. Pertama, kategori ‘karya persuratan’, yang ditulis dalam acuan gagasan Persuratan Baru berdasarkan konsep ilmu yang benar dan bertunjangkan taklif. Kedua, kategori ‘karya sastera’, yang ditulis dalam acuan sastera yang memberi kebebasan mutlak kepada sasterawan untuk melakukan apa yang disenanginya berasaskan hawa nafsunya. Ketiga, kategori ‘karya picisan/erotik/popular’, yang ditulis dalam acuan sastera, tetapi memberi penekanan kepada unsur keberahian antara lelaki dan perempuan dengan menggunakan unsur cerita sepenuhnya. (Mohd. Affandi Hassan, 2008, hlm.65)

Seterusnya, merujuk kepada kategori ketiga yakni ‘picians/erotik/lucah/popular’, MAH memperincikan “picians” seperti berikut:

Istilah picians di sini tidak terbatas secara sempit kepada kelucahan semat-mata, tetapi harus difahami secara menyeluruh, meliputi idea, tema, bahasa, gaya, watak dan perwatakan, lambang, dialog, paksi naratif, kriteria penilaian, dan lain-lain aspek yang berhubungan dengan penciptaan karya kreatif. Semua aspek ini menjadi picians apabila diolah secara mudah, cetek, dangkal, menyeleweng daripada nilai-nilai tamadun manusia yang beradab, yakni melihat semua perkara daripada hawa nafsu manusia yang ingin bebas lepas daripada tanggungjawab taklif. Sebuah karya akan menjadi karya picians apabila karya tersebut menjadikan *kejahatan* sebagai nilai utama dalam penciptaan karya tadi, misalnya apabila perzinaan diperindahkan begitu rupa untuk kononnya menyerlahkan tragedi manusia tertindas, teraniaya, tertipu dan sebagainya, dengan memaparkan dengan terang perlakuan perzinaan tadi sehingga menjadi lambang tertentu dalam karya tersebut. (Mohd. Affandi Hassan, 2008, hlm.62).

Terlepas daripada tulisan kreatif, ‘picians’, menurut PB, juga termasuk tulisan ilmiah yang tidak dihujahkan secara objektif dan jitu bersandarkan ilmu yang benar.

Penjelasan di atas menunjukkan pendirian PB yang membezakan ilmu dan cerita, dan dengan itu memperluaskan fahaman tentang karya kreatif (dan kritikan). Kini ilmu dan cerita mempunyai fungsi, matlamat dan ciri yang berbeza, sesuai dengan kedudukan dan peranan masing-masing dalam sebuah naratif. Begitu juga, PB sangat tegas terhadap tidak bermutunya karya picians yang menjadikan seks sebagai paksi naratif, tumpuan, dan panduan pengisahan, lengkap dengan penggunaan bahasa yang tebal dengan nada dan asosiasi erotik, serta babak yang eksplisit, dan sebagainya. Dengan pendiriannya yang jelas dan tegas itu, PB banyak mencabar atau mempertikaikan pegangan penulis dan pengkritik Melayu selama ini. Dalam konteks inilah penegasan makalah ini bahawa PB adalah anjakan yang nyata, yang sekali gus memperluaskan pula kefahaman tentang sastera dan kritikan, wajar dihayati.

Penjelasan singkat di atas menunjukkan betapa PB menjejaki dengan tertib dan berurutan perihal tanggungjawab keberadaan manusia sebagai insan, dan lebih penting lagi, *sebagai insan yang berkarya*, yakni tanggungjawab yang tidak boleh dielakkan. Di tahap praktis pula, PB membezakan ilmu daripada cerita, dan dengan itu memudahkan soal mengenal pasti sama ada sesebuah karya itu menjadikan pembikinan cerita sebagai prinsip utamanya, dan oleh itu membenarkan manipulasi elemen penceritaan untuk memuatkan isian cerita yang seterusnya mendominasi ruang naratif karya yang dihasilkan, atau sebaliknya. Ini sekali gus menyerlahkan perkara yang menjadi keutamaan penulis, sama ada membikin dan membangunkan cerita atau membina dan menghujahkan idea atau wacana. Dengan mengajukan ilmu, yakni ilmu yang benar, sebagai kriteria penting, iaitu satu kriteria yang memang *akur* dengan hakikat ilmu dan

amal menurut perspektif Islam, maka PB bukan setakat membolehkan rungsaian teks dilakukan, tetapi memastikan penilaian disandarkan kepada kriteria yang betul, tepat dan relevan, dan dengan itu menyelesaikan satu masalah besar dan kritikal yang terus menerus menghantui dunia sastera Melayu, iaitu masalah penilaian. Sesungguhnya, soal ini telah dibangkitkan oleh Mohd Affandi Hassan (2010, 2003) apabila memperkatakan tentang Anugerah Sastera Negara dan novel *Kawin-kahwin*, dibincangkan oleh Mohd. Zariat Abdul Rani (2008) apabila mengaitkannya dengan nilai kesusasteraan, dan disentuh oleh Rozais (2010, *Mingguan Malaysia Online*) apabila merujuk kepada Hadiah Sastera Perdana Malaysia, “ternyata HSPM bermasalah dan dianggap tidak perdana lagi kerana ada keraguan pada kerangka penilaiannya.”

Jika dibandingkan dengan teori Barat pula, dengan berteraskan taklif, PB dengan jelas mengisytiharkan perbezaannya dengan teori-teori Barat yang rata-rata menolak kewujudan Ilahi. Penolakan Barat tersebut sekali gus bererti tafsiran ilmu, kebenaran dan realiti ala Barat adalah terhad dan dihadkan kepada aspek atau realiti fizikal sahaja, yang sekali gus menolak aspek transenden atau kerohanian. Berhadapan dengan pemahaman sedemikian, adakah wajar teori yang sedemikian diguna pakai tanpa interogasi yang seperlunya? Begitu juga, adakah dengan mengatakan kita tidak menafikan kewujudan Ilahi seperti halnya dengan teori-teori Barat, sedangkan tulisan kita terus menerus memperagakan ciri-ciri, cara penulisan dan takrifan ‘ilmu’ serta ‘kebenaran’ yang dianjurkan dan disenangi oleh teori Barat itu, sudah memadai? Sudah berlaku adil kepada keyakinan, pegangan dan tradisi Melayu-Islam kita? Tidak mungkinkah teori-teori Barat tersebut disaring dengan bijaksana, dan diambil hanya perkara-perkara yang sesuai dengan keyakinan kita sahaja? Di tinjau daripada perspektif ketepatan kriteria penilaian, ternyata PB menyediakan kriteria yang tepat, betul dan relevan, sesuai dengan pegangan dan keyakinan kita. Dengan itu juga PB menjadikan teori dan kriteria Barat wajar dicabar, dipertikai dan disaring sebelum diguna pakai, sekiranya teori-teori Barat tersebut dirasakan perlu untuk dimanfaatkan. Dengan mengambil kira kelebihan yang ditawarkan oleh PB seperti yang dijelaskan di atas, makalah ini menjadikan gagasan Persuratan Baru kerangka analisis pilihannya.

### ***Bila Hujan Malam: Satu Analisis Kritis***

Dengan meneliti empat perkara berkaitan struktur penceritaan *Bhm*, seperti yang akan dibincangkan di bawah nanti, makalah ini ingin menghujahkan bahawa persepsi Azizi tentang wanita ialah “wanita adalah objek seks”, yang lantas dijadikan paksi naratif novelnya itu. Seterusnya, makalah ini juga ingin menegaskan bahawa bertolak daripada persepsi dan paksi tersebut, novel *Bhm* ini kemudian dibina melalui mod membikin-cerita semata.

*Bhm* mengisahkan tentang Tengku Yunus, seorang hartawan lanjut usia yang tinggal berdua dengan anak angkatnya Hayati, wanita cantik yang muda remaja. Tengku Yunus berahikan anak angkatnya itu, dan nafsunya terangsang lebih-lebih lagi apabila hujan turun di tengah malam. Dengan berbekalkan pil/ubat/coklat perangsang atau pelali yang disuruh Hayati makan atas alasan menjaga kesihatannya itu, Tengku Yunus memperkosa

Hayati yang tidak sedarkan diri itu. Ini seterusnya menjadi kebiasaan Tengku Yunus apabila hujan turun di tengah malam. Sementara itu Hayati menaruh hati pada Zahid, 'bujang terlajak' yang juga orang suruhan Tengku Yunus. Lanjutan kesan ubat perangsang yang sering diberi oleh Tengku Yunus itu, Hayati telah bersanggama dengan Zahid. Apabila hubungan ini diketahui oleh Tengku Yunus, dia mengupah orang membunuh Zahid. Berikutan kematian Zahid, Hayati membunuh diri.

Hakikat bahawa *Bhm* hanya sebuah cerita dengan mudah dapat dikesan apabila dikenal pasti paksi naratif yang Azizi pilih untuk novelnya ini, seperti yang dikejapkan oleh judul novel itu sendiri. Apabila hujan malam, watak wanita dalam novel ini diperkosa, yang merupakan aktiviti utama dalam cerita ini. Tegasnya, dalam novel ini seluruh tenaga pembikinan, perkembangan dan pergerakan cerita dikerah untuk menjurus kepada perkosaan Hayati. Dengan mengaitkan aktiviti utama ini, iaitu perkosaan, dengan Hayati, satu-satunya watak wanita dalam novel ini, Azizi menyerlahkan dengan jelas persepsi beliau terhadap wanita, serta kehadiran dan kedudukan wanita sebagai objek seks. Seterusnya, bahawa wanita distrukturkan oleh Azizi sebagai objek seks dalam novel ini dapat dilihat dari empat aspek penceritaan, seperti yang akan dibincangkan di bawah ini.

Aspek penceritaan pertama dalam memerikan wanita sebagai objek seks menjurus kepada pengemblengan teknik 'asal mula yang tidak dijelaskan' (*unexplained antecedent*). Teknik ini merujuk kepada cara bercerita yang "menyimpan" atau "merahsiakan" maklumat daripada pembaca apabila cerita sengaja dimulakan di tengah-tengah dan bukan di awal kisah, atau apabila aspek cerita yang tertentu tidak dijelaskan dengan penuh. Teknik ini memungkinkan cerita untuk nanti menggunakan maklumat yang dirahsiakan itu untuk perkembangan cerita selanjutnya, seperti memasukkan komplikasi atau perkembangan baru hasil daripada rahsia yang kini terbongkar atau didedahkan. Tegasnya, ada tujuan tertentu maklumat dirahsiakan, dan rahsia ini bakal memainkan peranan dalam perkembangan cerita selanjutnya. Teknik ini sering ditemui dalam *romance*, lipur lara, cerita *adventure* dan sebagainya; contohnya apabila identiti seorang watak yang memainkan peranan penting dalam cerita, tetapi tidak diketahui asal usulnya, kemudian didedahkan sebagai seorang putera raja, dan lanjutan pendedahan rahsia tersebut, jalan cerita serta perkembangannya berubah, sesuai dengan maklumat baru yang telah didedahkan itu.

Teknik 'asal mula yang tidak dijelaskan' telah digunakan untuk watak penting novel ini, yang tanpanya aktiviti utama karya ini tidak boleh diadakan dan *Bhm* tidak dapat wujud, iaitu watak Hayati. Pembaca bertemu Hayati sebagai wanita muda yang sedang ranum, cantik dan menggiurkan, iaitu anak angkat kepada hartawan Tengku Yunus. Maklumat tentang Hayati yang diketahui ialah Tengku Yunus mengambilnya sebagai anak angkat semasa Hayati berumur sembilan tahun. Selain daripada maklumat singkat ini, Azizi tidak membekalkan maklumat tambahan tentang Hayati melainkan ia cantik dan Tengku Yunus berahi terhadapnya, yakni maklumat yang ditubi bertalu-talu dalam *Bhm*. Dalam perkembangan cerita pula, tidak ada maklumat tambahan tentang Hayati yang didedahkan, yang mampu mengubah jalan cerita atau mengubah persepsi pembaca terhadap Hayati sendiri atau Tengku Yunus atau watak-watak lain. Dengan kata lain, *option* atau kemungkinan yang ditawarkan oleh teknik tersebut di atas, iaitu

mendedahkan “rahsia” atau “maklumat tambahan” untuk tujuan perkembangan cerita, *tidak* digunakan dalam *Bhm*. Mengapakah ini berlaku? Ini kerana *Bhm* adalah sebuah cerita yang hanya memerlukan hadirnya seorang wanita, dan wanita tersebut pula perlu berada dalam keadaan yang mudah untuk diperkosa. Untuk tujuan tersebut Hayati seperti adanya, yakni muda, cantik serta mudah dimiliki (tinggal serumah) sudah memadai, kerana *itulah* peranan yang telah dipersepsikan oleh Azizi untuknya. Maklumat tambahan tentang Hayati, yang boleh mengubah jalan cerita, persepsi dan sebagainya, adalah tidak relevan sama sekali untuk tujuan dia dihadirkan atau untuk peranan yang diperuntukkan baginya, iaitu sebagai objek seks untuk memuaskan nafsu lelaki yang bernama Tengku Yunus. Dengan menggunakan sebahagian teknik *unexplained antecedent*, iaitu setakat menghadirkan dan menyediakan watak wanita untuk tujuan perkosaan, dan mengabaikan sebahagian lain teknik tersebut, iaitu kemungkinan atau *option* yang ditawarkannya, Azizi dengan jelas menyerlahkan apa sebenarnya yang diperlukan untuk novelnya itu, dan dengan itu sekali gus mendefinisikan kedudukan dan peranan wanita sebagai objek seks semata.

Dalam konteks masyarakat Melayu-Islam, hakikat seorang wanita muda yang tinggal berdua-duaan di rumah agam dengan ayah angkat yang bukan mahramnya, seperti halnya dengan kisah Hayati dalam *Bhm*, adalah satu kejanggalan. Namun untuk tujuan menyerlahkan persepsi wanita sebagai objek seks, Azizi telah “melicinkan” kejanggalan tersebut, dalam erti kata tinggalnya Hayati bersama Tengku Yunus dihadirkan dalam cerita sebagai sesuatu yang tidak bermasalah sama sekali. Ini dilakukan oleh *Bhm* di awal cerita lagi, berupa pengakuan orang-orang kampung yang menerima keadaan tersebut tanpa masalah (Azizi Haji Abdullah, 1983, hlm.12). Malah, sebelum itu pun Azizi telah menstrukturkan cerita supaya Hayati sendiri memperakukan perkara ini, hatta ada juga terdetak di hatinya tentang keanehan renungan Tengku Yunus:

Sungguh disadarinya bahawa pandangan dari dua biji mata yang bernama ayah itu adalah satu pandangan yang bukan dari seorang ayah. Tapi bila ia memikirkan pula, bahawa Tengku Yunus merupakan ayah, walaupun cuma ayah angkat yang begitu dalam menaruh kasih sayang... (Azizi Haji Abdullah, 1983, hlm.10)

Justeru cerita bermula dengan kejanggalan yang telah dineutralkan. Dalam konteks skema atau perkiraan cerita serta perkembangan cerita keseluruhannya, Hayati telah ditempatkan secara strategik supaya senantiasa berada dalam keadaan boleh dan mudah diperalatkan (diperkosa). Kini cerita dengan mudah boleh diteruskan untuk urusan merealisasikan persepsi yang menjadi paksi naratif dan mendasari novel tersebut iaitu wanita adalah objek seks.

Aspek penceritaan kedua dalam memerikan wanita sebagai objek seks melibatkan perkosaan dan sanggama yang di luar kuasa dan kesedaran wanita. Untuk itu *Bhm* memanfaatkan penggunaan pil/ubat/coklat perangsang dalam skema penceritaannya. Dalam *Bhm*, dua pasang hubungan jenis berlaku iaitu antara Tengku Yunus dengan Hayati di satu pihak dan antara Zahid dengan Hayati di pihak yang lain. Hayati diperkosa oleh Tengku Yunus dengan bantuan pil perangsang/pelali yakni semasa dia



tidak sedarkan diri, sementara hubungan antara Zahid dengan Hayati berlaku di bawah pengaruh coklat perangsang. Hayati menggoda Zahid untuk bersanggama dengannya kerana kesan rangsangan coklat yang dimakannya atas arahan Tengku Yunus. Dengan kata lain, sama seperti halnya dengan perkosaan Hayati oleh Tengku Yunus, hubungan Hayati dengan Zahid juga berlaku di luar kuasa Hayati. Ini berbeza dengan keadaan kedua-dua pasangan lelaki Hayati, yang tidak dipengaruhi oleh ubat perangsang atau pelali. Dengan meletakkan Hayati dalam keadaan tidak menguasai dirinya, *Bhm* dengan jelas menetapkan peranan Hayati, iaitu ia dihadirkan sebagai watak yang fungsinya ialah semata-mata untuk “bersedia” diperalatkan semahunya oleh pasangan lelakinya. Ini berbeza dengan keadaan pasangan lelakinya, yang kekal dalam keadaan sedar. Malah, apabila ada pilihan untuk sebaliknya, ini ditolak bulat-bulat oleh pasangan lelaki Hayati, kerana yang perlu tidak sedar ialah Hayati seorang saja, guna mudah untuk diperalatkan (Azizi Haji Abdullah, 1983, hlm.80). Namun, pengukuhan konkrit kehadiran Hayati sebagai objek seks, yang dimantap dan dipertahankan sepanjang novel, ialah tidak tahunya Hayati bahawa dia telah diperkosa oleh ayah angkatnya saban kali hujan turun tengah malam. Hanya di akhir cerita barulah Hayati diberi kesedaran tentang perkara sebenar. Ini menunjukkan hatta ditimpakan musibah yang dahsyat, novel tetap mengekalkan watak dan perwatakan Hayati seperti biasa tanpa apa-apa perubahan, yakni watak tanpa peribadi, yang tidak lebih daripada barangan, kerana dalam skema pembikinan *Bhm* dia hanya diperlukan sebagai objek seks sahaja, dan peranan ini dipenuhi dengan “baik” oleh Hayati yang jahil tentang petaka yang menyimpannya itu.

Aspek penceritaan ketiga dalam memerikan wanita sebagai objek seks dapat dilihat pada konteks kondusif bagi perkosaan dan sanggama. Dengan menghadirkan Hayati, si mangsa dalam konteks cerita *Bhm*, sebagai anak angkat kepada Tengku Yunus, si petualang dalam konteks novel tersebut, maka novel dengan mudah dapat memanipulasi keadaan untuk menyebelahi Tengku Yunus, yang sekali gus bererti memudahkan perkosaan atau penggunaan Hayati sebagai pemuas nafsu watak tersebut. Situasi yang kondusif untuk perkosaan ini dimantapkan lagi oleh novel dengan memberikan Tengku Yunus kedudukan yang tinggi dan terhormat, yang padanya masyarakat sekeliling banyak terhutang budi. Sejajar mengukuhkan situasi Tengku Yunus, novel juga melemahkan situasi Hayati dengan menafikan apa jua bentuk pertolongan. Dalam konteks novel, satu-satunya watak yang dapat diharapkan oleh Hayati ialah Zahid. Namun, Zahid adalah orang suruhan Tengku Yunus, yang menurutnya sendiri, terhutang nyawa kepada Tengku Yunus. Walaupun Tengku Yunus ada anak lelaki yang dianggap oleh Hayati sebagai abang dan oleh itu boleh minta perlindungan, namun novel mengasingkan watak ini di luar negara kerana belajar. Jelas, novel distrukturkan untuk secara serentak meletakkan Hayati dalam keadaan terjebak, di samping keadaan Tengku Yunus yang perkasa dalam serba segi. Apabila ketidakberdayaan Hayati dipadankan dengan nafsu serakah Tengku Yunus, maka novel dengan mudah boleh merealisasikan persepsi wanita sebagai objek seks. Inilah yang dilakukan oleh *Bhm*, yang seterusnya membumbui ceritanya dengan coklat perangsang, hujan lebat di tengah malam, rumah agam yang sunyi sepi, suasana dingin dan sebagainya, untuk memperhebatkan perkosaan yang bakal berlaku. Inilah juga yang diakui oleh pengguna alat tersebut, Tengku Yunus sendiri: “Hayati merupakan *satu alat* baginya. Tidak lebih dari itu.” (Azizi Haji Abdullah, 1983, hlm.41, penekanan ditambah).

Aspek penceritaan keempat dalam memerikan wanita sebagai objek seks ialah meniadakan peranan lain bagi wanita selain daripada peranan sebagai objek seks semata. Seperti yang diketahui, sepanjang pengisahan *Bhm* Hayati diperkosa oleh Tengku Yunus dalam keadaan wanita tersebut tidak sedarkan dirinya, terutamanya apabila hujan malam. Selain itu, Hayati juga bersanggama dengan Zahid, hasil kesan coklat perangsang yang dimakannya. Di akhir cerita, Hayati membunuh diri. Perlu diingat bahawa Hayati digambarkan terus menerus bersedih setelah kematian Zahid tetapi dia tidak membunuh diri. Hayati hanya membunuh diri setelah dia faham bahawa coklat yang diberi oleh Tengku Yunus di waktu malam dan dipaksanya memakannya itu, adalah ubat perangsang. Dengan kata lain, fahamlah Hayati bahawa perannya yang sebenar selama ini ialah sebagai alat pemuas nafsu Tengku Yunus. Justeru, apabila di episod akhir dia diberi coklat perangsang oleh Tengku Yunus, Hayati yang kini sudah maklum muslihat di sebalik pemberian coklat tersebut, *tidak* memakannya. Sebaliknya dia makan pil tidur yang menyebabkan kematiannya. Dengan tidak memakan coklat pemberian Tengku Yunus, apa yang jelas ialah keengganan Hayati untuk terus menjadi objek seks, dan kerana keengganan inilah dia dimatikan oleh novel. Kematian Hayati tidak menghairankan, malah dapat diduga. Ini kerana Hayati yang enggan menjadi objek seks tidak ada gunanya dalam skema naratif *Bhm* yang hanya mempersepsi wanita sebagai objek seks. Justeru *Bhm* mematikannya. Dengan kata lain, *Bhm* tidak menyediakan peranan lain bagi wanita melainkan peranan sebagai objek seks. Justeru, apabila peranan ini tidak dimainkan oleh wanita, dia secara automatik tidak ada tempat dalam kerangka pembikinan cerita *Bhm*. Kematian Hayati adalah bukti jelas tidak adanya persepsi lain tentang wanita dalam *Bhm* melainkan sebagai alat pemuas nafsu lelaki. Sesungguhnya inilah satu-satunya persepsi yang mendasari *Bhm*, yang dipupuk dan dibina sepanjang pengisahan novel tersebut. Pengamatan ini diperkukuhkan apabila dilihat manipulasi penstrukturan novel tersebut. Dalam konteks *Bhm*, kematian Hayati itu adalah klimaks dan juga penyelesaian cerita. Dengan menggabungkan dua perkara ini iaitu klimaks dan penyelesaian, yang merupakan antara komponen penceritaan yang bukan saja penting dalam sesebuah kisah tetapi membantu menggaris secara jelas persepsi yang didukungnya, manipulasi penstrukturan *Bhm* ini mengejapkan secara definitif bahawa wanita itu tidak lebih daripada objek seks semata. Seperti yang dikatakan, inilah satu-satunya persepsi yang mendasari *Bhm*, yang dipupuk dan dibina sepanjang pengisahan novel tersebut, dan seterusnya diutamakan sebagai pengucapan klimaks serta penyelesaiannya.

Jika dari satu segi kematian Hayati membuktikan dengan jelas persepsi wanita sebagai objek seks, kematian tersebut juga mengundang persoalan yang perlu dibereskan. Oleh sebab kematian itu melibatkan *tindakan*, yang dilakukan oleh Hayati pula, maka ia mengingatkan kita kepada konsep *agency* yang sering dirujuk dalam teori feminisme. Sesungguhnya dalam konteks sastera Melayu dewasa ini, persoalan yang melibatkan wanita sering ditangani menggunakan kerangka feminisme kerana kerangka ini dianggap amat sesuai bagi persoalan-persoalan seumpama itu. *Agency* sering diterjemahkan ke bahasa Melayu sebagai “ikhtiar” atau “keberdayaan”. Dari satu segi ini boleh diterima, namun dari segi dan konteks lain perkataan “ikhtiar” atau “keberdayaan” atau perkataan-perkataan seumpamanya itu adalah tidak sesuai.

Seperti yang telah diperkatakan sebelum ini, novel distrukturkan untuk menghadirkan wanita (Hayati) yang tidak berdaya. Ini dilakukan melalui pelbagai cara seperti menjadikan kedudukan Hayati dan juga Zahid rendah daripada Tengku Yunus, di samping menafikan bantuan sama sekali (kerana orang kampung juga terhutang budi kepada Tengku Yunus). Malah, dalam soal hubungan jasmani pun Hayati dinafikan apa jua kuasa kerana ia dijadikan tidak sedar semasa perkosaan berlaku, atau di bawah kesan ubat perangsang semasa bersanggama dengan Zahid. Dengan kata lain, dalam *Bhm* Hayati jelas tidak dibekalkan dengan *agency*. Ini dengan sendirinya menurunkan martabat dan peranan Hayati daripada manusia yang berfikir, berperasaan dan mempunyai daya dan kemampuan kepada alat yang langsung tidak merasa, hatta “mengecap nikmat” sanggama, seperti yang diakui oleh Tengku Yunus: “dia akan cuba mengajak Hayati hidup seperti selalu dan *mengecap nikmat secara sedar* jika perlu” (Azizi Haji Abdullah, 1983, hlm.78, penekanan ditambah). Namun, seperti yang dilihat di atas, di akhir cerita Hayati membunuh diri. Dan seperti juga yang dilihat di atas, pembunuhan diri ini berlaku setelah Hayati faham peranannya yang sebenar selama ini ialah sebagai alat pemuas nafsu Tengku Yunus. Atas kesedaran inilah, novel membekalkan Hayati dengan apa yang feminisme sebut sebagai *agency*, iaitu “ikhtiar”, “keberdayaan” atau “tindakan” untuk menegaskan wibawa diri. Hayati *tidak* memakan coklat berkenaan tetapi sebaliknya memakan pil tidur untuk membunuh diri. Dengan *tidak* memakan coklat perangsang, Hayati di akhir cerita menafikan Tengku Yunus “nikmatnya”. Ini dapat dilihat sebagai “keberdayaan”, “usaha”, “ikhtiar” atau “tindakan” Hayati, iaitu caranya menyatakan ketidakrelaannya diperlakukan sebagai objek seks, yakni menegaskan wibawa dirinya. Begitu juga, dengan membunuh diri Hayati secara total menafikan Tengku Yunus objek seksnya, dan ini dari satu segi boleh dilihat sebagai “keberdayaan” Hayati.

Dalam konteks Islam, dan berdasarkan kerangka PB yang berteraskan taklif, pembunuhan diri Hayati menimbulkan persoalan. Ini kerana Islam memerikan kehidupan itu sebagai satu anugerah Allah SWT yang cukup bermakna dan oleh itu mengharamkan membunuh diri: “Jangan kamu bunuh jiwa yang Allah haramkannya kecuali dengan kebenaran” (Surah al-An’am, hlm.151). Berlatarkan fahaman ini, maka adalah sukar untuk menerima pembunuhan diri Hayati itu sebagai “ikhtiar” atau “usaha” Hayati, kerana kedua-dua perkataan tersebut membawa konotasi positif. Dalam konteks keadaan seperti ini, istilah yang sering menjadi pilihan kerangka feminisme ialah “*negative agency*”. Justeru, pembunuhan Hayati, sekiranya mahu digunakan istilah feminisme, boleh dinamakan “ikhtiar negatif”. Namun, perlu diingat bahawa tindakan membunuh diri itu tetap dianggap sebagai satu *agency*, hatta berbentuk negatif. Tegasnya, interpretasi menurut feminisme akan melihat pembunuhan diri Hayati sebagai sesuatu yang wajar dihargai kerana ia merupakan “keberdayaan” atau “pemeriksaan” wanita, penegasan wibawa dirinya sebagai wanita yang tidak lagi kontang keberdayaan dan boleh dikotak-katikkan oleh lelaki. Adalah jelas interpretasi sedemikian amat bertentangan dengan Islam, dan memperlihatkan keterbatasan dan juga kekeliruan kerangka feminisme tersebut. Adalah lebih wajar pembunuhan itu dilihat bukan dari perspektif keberdayaan atau *agency* wanita ala feminisme, tetapi lebih daripada perspektif persepsi tentang wanita seperti yang dihadirkan oleh Azizi melalui novelnya itu. Apa yang jelas ialah selain melihat wanita sebagai objek seks, *Bhm* juga melihatnya sebagai manusia yang putus asa dan tidak

mensyukuri nikmat, yang mempersendakan anugerah kehidupan, yakni pemberian berharga Allah SWT itu seperti yang terkandung dalam Surah Yusuf ayat 87 "...dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir". Jelaslah persepsi Azizi seperti yang diperlihatkan melalui *Bhm* menempelak sama sekali kedudukan tinggi yang telah diperuntukkan oleh Islam bagi wanita, khususnya bahawa wanita bukan barangan untuk "diwarisi" (Surah Al-Nisa', 4, 19). Dan tempelakan ini dilakukan dari dua sisi – iaitu menjadikan wanita objek seks dan juga manusia kufur yang putus asa.

### **Kata Penutup**

Analisis di atas jelas menunjukkan persepsi Azizi bahawa wanita itu tidak lebih daripada alat untuk memuaskan nafsu lelaki. Dengan menggunakan empat strategi pengisahan seperti yang diserlahkan itu, Azizi sesesungguhnya telah memperakukan secara bertalutalu bahawa wanita memang alat seks. Ini dengan sendirinya mempersendakan pendirian Islam yang memberi kedudukan mulia dan hormat kepada wanita seperti yang dilihat di atas. Seterusnya, dengan mendukung persepsi wanita sebagai objek seks itu, yang selain ditubi sebanyak empat kali, dijadikan pula paksi naratifnya, Azizi telah memberi keistimewaan kepada kejahatan dan kekufuran sebagai pengucapan seni yang wajar. Ini bertentangan dengan pegangan PB yang melihat karya kreatif sebagai wadah untuk mengungkapkan ilmu yang benar. Begitu juga, dengan menggunakan empat strategi pengisahan itu, yang mengangkat pengungkapan kejahatan itu sebagai fokus utama cerita, *Bhm* sekali gus menolak wacana sebagai sesuatu yang sama sekali tidak relevan dalam skema pembentukannya. Jelas, penemuan analisis ini mempertikaikan dakwaan A Rahim Abdullah di awal perbincangan. Malah, adalah jauh lebih tepat *Bhm* dikategorikan sebagai karya picisan sahaja, hasil tulisan seorang "tukang cerita" semata.

### **Penghargaan**

Makalah ini adalah hasil daripada Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) 2010-2012 yang bertajuk "Gender dalam sastera: Menilai semula pemahaman 'hubungan gender' dalam sastera Melayu".

### **Rujukan**

- Al-Qur'an. *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Qur'an*. (2000). Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- A. Rahim Abdullah. (2005). *Pemikiran Azizi Haji Abdullah dalam karya cereka*. Dlm. *Dewan Sastera*, April.

- Anwar Ridhwan. (2010). Azizi Haji Abdullah yang saya kenali: Pengarang yang selalu memberi impak. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pemikiran Azizi Haji Abdullah, IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sungei Petani, Kedah, anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara, IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sg. Petani, Kedah, dengan kerjasama Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (ASASI), 3 Ogos.
- Azizi Haji Abdullah. (1983). *Bila hujan malam*. Petaling Jaya: Penerbitan Pena Sd. Bhd.
- Hassan Baseri Budiman. (2010). Representasi pemikiran Azizi Haji Abdullah dalam novel *Tukcai*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pemikiran Azizi Haji Abdullah, IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sungei Petani, Kedah, anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara, IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sg. Petani, Kedah, dengan kerjasama Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (ASASI), 3 Ogos.
- Kalthum Ibrahim. (2006). Maria Zaitun dalam *Salam Maria* lambang wanita mukmin masa kini. Dalam *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 6(1), 11-20.
- Mohd. Affandi Hassan. (2010). Mengembalikan peranan ilmu yang benar dalam persuratan Melayu. Dlm. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pnyt.) 2010. *Kedudukan ilmu dalam kesusasteraan: Teori dan praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani. (2008). *Gagasan persuratan baru: Pengenalan dan penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. (2004). Kesusasteraan Melayu di persimpangan jalan: Anti-intelektualisme, hasad, pandirisime. Kertas kerja yang dibentangkan di Wacana ilmiah DAMAI (Dunia Melayu dan Islam), Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 21 Disember.
- Mohd. Affandi Hassan. (2003). Unsur jenaka dalam novel *Kawin-kawini*: Kegagalan intelektual seorang sasterawan. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar jenaka Melayu Nusantara, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 21-23 Ogos, 2003, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan. (1992). *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2008). Polemik teks KOMSAS di Malaysia: Kaitan antara nilai kesastraan dan anugerah sastra. *LINGUA* (Jurnal Ilmu Bahasa dan Sastra, Fakultas Humaniora dan Budaya, Universitas Islam Negeri, Malang), 3(2) (Disember), 103-125.

- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2004). Seksualiti dalam novel Melayu: Satu analisis teks berdasarkan persuratan baru. Tesis Doktor Falsafah, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahmah Ahmad Othman. (2010). Sejarah tradisi sastera Arab dan Islam : Fokus kepada sastera sebagai sumber ilmu. Dlm Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2010. *Kedudukan ilmu dalam kesusasteraan: Teori dan praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozais al-Anamy. (2010). Menilai kembali HSPM. Dlm. *Mingguan Malaysia Online*, 22 Ogos. (Atas talian) Muat turun 14 April 2011, dari [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0822&pub=utusan\\_malaysia&sec=Sastera&pg=sa\\_02.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0822&pub=utusan_malaysia&sec=Sastera&pg=sa_02.htm&arc=hive)
- Ruzy Suliza Hashim. (2006). Meniti duri dan ranjau: Pembikinan gender dan seksualiti dalam konteks dunia Melayu. *SARI*, 24, 15-34.
- Siti Hajar Che Man. (2010). Constructing a theory on women's soul and mind: An early concept of independent self-theory. *Malay Literature*, 23(1),18-30.
- Siti Hajar Che Man. (2007). *Esei-esei kritikan feminis dalam kesusasteraan Melayu*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Syah Waliyullah al-Dihlawi. (2005). *Hujjah Allah al-balighah. Argumen puncak Allah: kearifan dan dimensi batin syariat*. Jakarta: Pt. Serambi Ilmu Semesta.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2010). Cerita: kedudukan dan peranannya dalam karya kreatif penulis wanita sebelum merdeka. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(2), 117-131.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2009). *Dinamika pemikiran sastera Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2007). *Kritikan sastera Melayu: Antara cerita dengan ilmu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zulkarnain Mohamed (2010). Al-Qur'an, ilmu, disiplin Islami dan sastera. Dlm Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pnyt.). 2010. *Kedudukan ilmu dalam kesusasteraan: Teori dan praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia

**Penulis**

Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Ph.D) ialah Profesor dan Felo Penyelidik Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau ialah Kritikan Sastera, Teori Sastera, Teori Kritikan dan Sastera Bandingan. Beliau kini berusaha untuk memantapkan anjakan baru dalam kritikan sastera Melayu, khususnya melalui gagasan Persuratan Baru.